

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN  
[ KENINGAU ]**

**TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 119**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengkaji semula dan mengubah isi-isi kandungan dalam buku teks sejarah sekolah mengenai sejarah pembentukan Persekutuan Malaysia yang betul dengan rujukan kepada MA63.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengkaji, meneliti dan membuat penambahbaikan terhadap kurikulum Sejarah berdasarkan laporan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah. Melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), penelitian dan penambahbaikan telah dilaksanakan terutama yang berkaitan dengan sejarah negara yang disusun secara kronologi yang bermula dari “Zaman Air Batu” termasuklah “kemerdekaan”, “pembentukan Persekutuan Malaysia” sehingga “Malaysia di Persada Dunia”.

Berdasarkan laporan Jawatankuasa Khas tersebut, kandungan sejarah berkaitan Pembentukan Malaysia telah ditambah baik dalam kurikulum Sejarah pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Pembentukan Malaysia 1963 merupakan peristiwa bersejarah bagi negara yang perlu dipelajari oleh murid di peringkat sekolah rendah dan menengah. Penjelasan sejarah Pembentukan Malaysia dan Perjanjian Malaysia 1963 dinyatakan berbeza-beza mengikut aras dan tahap keupayaan murid atas nasihat Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah.

Manakala, penulisan buku teks Sejarah KPM adalah mengikut keperluan tajuk/tema yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM. Buku teks ditulis mengikut perkembangan kurikulum semasa dan telah merujuk Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah yang sentiasa memastikan kesahihan fakta dan sesuatu peristiwa sejarah.

Kurikulum Sejarah tidak pernah memutar belitkan fakta malahan perkara yang dibincangkan adalah bertujuan menegaskan kesepaduan unsur ilmu pengetahuan, pengaplikasian kemahiran dan pengukuhan elemen kewarganegaraan dan nilai sivik bagi menyuburkan intelek, rohani, emosi dan jasmani dalam diri murid. Peristiwa atau fakta yang sudah

**NO. SOALAN: 119**

berlaku tidak boleh diubah kecuali ada bukti baharu yang sah dan absah bagi membolehkan fakta atau sejarah itu disemak atau diubah.

Sekian, terima kasih.

RJM 24